

16/11/1997

Malaysia alu-alukan cadangan Clinton

KEPALA BATAS: Malaysia menyifatkan cadangan Presiden Bill Clinton untuk membincangkan krisis mata wang dalam Persidangan Ekonomi Asia Pacifik (Apec) di Kanada sebagai perkembangan positif.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata ini selaras dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga ingin membawa isu yang sama ke persidangan itu.

"Kita berharap Amerika Syarikat bukan sahaja memberi perhatian berat terhadap masalah bagi mengatasi krisis berkenaan, malah yang penting kita berharap ia tidak mengambil sikap menghalang negara lain untuk berbuat demikian," katanya selepas merasmikan persidangan agung Gerakan Belia 4B Malaysia cawangan Pulau Pinang di sini, semalam.

(END)